

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA**  
**[ SIPITANG ]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 1**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah diambil menurunkan kuasa kepada Jabatan Pelajaran Sabah dan Sarawak, untuk memperbaiki dan menaik taraf sekolah-sekolah luar bandar, demi meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar di kedua-dua negeri di seberang Laut China Selatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 74 dan 80 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan dan kuasa eksekutif dalam perkara berkaitan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 13 Senarai I (Senarai Persekutuan) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Justeru, negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat dan semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang menjadi rujukan utama berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

## NO. SOALAN: 1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan memberikan perhatian kepada sekolah yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan serta naik taraf kemudahan institusi pendidikan seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Bagi memperkasakan penyelenggaraan aset bangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di sekolah dan institusi pendidikan Kerajaan di Sabah dan Sarawak, KPM telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM27.49 juta kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan RM16.64 juta kepada JPN Sarawak pada tahun 2019. Peruntukan yang disalurkan adalah untuk mengekalkan fungsi aset berkenaan, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala (*periodical maintenance*) dan penyelenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Bagi menambah baik dan mempercepatkan lagi proses berkaitan perolehan melibatkan institusi pendidikan KPM di Sabah dan Sarawak, Pegawai Pengawal KPM melalui Jadual Perwakilan Kuasa bagi Pengurusan Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 15 Julai 2019 telah menurunkan kuasa kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah dan Sarawak untuk meluluskan perolehan secara tender sehingga RM5 juta.

KPM percaya langkah ini dapat mempercepatkan lagi kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf sekolah-sekolah dalam usaha untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek adalah masih bergantung dan tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 182 yang menyatakan bahawa pelaksanaan projek-projek pembangunan di KPM adalah dilaksanakan oleh Jabatan Teknikal iaitu pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sekian, terima kasih.